

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan dan rancangan yang bakal dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan untuk memulihkan perkhidmatan feri di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan sentiasa prihatin terhadap isu-isu berhubung operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang yang merupakan mod pengangkutan penting dan ikon di Pulau Pinang.
2. Bagi memastikan operasi perkhidmatan feri dapat diteruskan tanpa sebarang halangan demi kesejahteraan rakyat, pihak Kementerian Pengangkutan telah pun melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu termasuk mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merangka pelan jangka pendek dan panjang bertujuan untuk menambah baik mutu perkhidmatan feri sedia ada.
3. Dalam hal ini, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya bertarikh 18 Disember 2019, PPSB akan mengambil alih semula operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang yang dijangka bermula 1 Januari 2021. PPSB akan mengemukakan model perniagaan perkhidmatan feri yang baharu dan memulakan proses perolehan feri baharu jenis catamaran bagi menggantikan feri-feri sedia ada yang telah usang untuk memastikan kelangsungan operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.